

JANUARI 2021



CASSIO

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT

Muafakat Ke Arah Masa Depan Gemilang



■ FELDA Tawar Beli Semua Saham FGV



Pemegang saham terbesar FGV, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mengemukakan tawaran pengambilalihan mandatori tidak bersyarat untuk memperoleh semua baki saham biasa dalam FGV dengan pertimbangan tunai sebanyak RM1.30 setiap saham.

Notis pertama FELDA diterima Lembaga Pengarah FGV pada 8 Disember lalu melalui Maybank Investment Bank Berhad memaklumkan bahawa FELDA telah meningkatkan pegangan sahamnya dengan membeli saham Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) sebanyak 6.1 peratus dan 7.78 peratus milik Urusharta Jamaah Sdn Bhd.

Dokumen tawaran FELDA kemudiannya dihantar kepada semua pemegang saham biasa FGV pada 12 Januari 2021. Lembaga Pengarah FGV (kecuali ahli-ahli yang berkepentingan) dalam pada itu melantik RHB Investment Bank Berhad (RHB IB) untuk melakukan penilaian bebas terhadap Kumpulan FGV dan mengeluarkan pekililing

nasihat bebas untuk memberi pandangan sama ada tawaran tersebut adalah adil dan wajar.

Berdasarkan penilaian RHB IB yang merumuskan bahawa tawaran tersebut adalah tidak adil tetapi wajar, Lembaga Pengarah FGV yang tidak berkepentingan iaitu Dato' Yusli Mohamed Yusoff, Datuk Mohd Anwar Yahya, Datin Hoi Lai Ping, Dr Mohamed Nazeem P. Alithambi dan Dr. Nesadurai Kalanithi, mengesyorkan kepada para pemegang saham untuk menolak tawaran tersebut.

Ini berdasarkan pekililing RHB IB yang menilai bahawa tawaran RM1.30 tersebut berada di bawah nilai saksama antara RM1.42 hingga RM1.60 sesaham, atau 8.5 peratus hingga 18.8 peratus.

Antara lain, RHB IB menyatakan bahawa tawaran tersebut tidak adil tetapi wajar kerana FGV belum menerima cadangan alternatif termasuk sebarang tawaran untuk memperoleh aset dan liabiliti Kumpulan FGV.

Ujarnya, FELDA dan pihak-pihak yang bertindak bersamanya mempunyai pegangan saham kolektif sebanyak 54.09 peratus (pada 15 Januari 2021) yang memberi mereka lebih kawalan dan dapat menentukan hasil resolusi yang dicari dalam mesyuarat agung FGV. FELDA juga tidak bermaksud untuk mengekalkan status penyenaian FGV dan sekiranya FELDA berjaya, pemegang saham tidak akan dapat memperdagangkan sekuriti FGV di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Selanjutnya, apabila FELDA mengumpulkan tahap pegangan saham yang lebih tinggi sebagai hasil penerimaan yang sah dan/atau pengambilalihan selanjutnya, pencairan saham FGV mungkin menghadapi kekangan.

Maybank IB pada 29 Januari mengumumkan bahawa tarikh akhir tawaran tersebut dilanjutkan kepada 16 Februari 2021. Setakat 4 Februari, FELDA menyatakan ia telah memiliki 71.05 peratus saham FGV.



SELAMAT MENYAMBU

Tahun Baru Cina



Seramai 7,001 Pekerja Ladang Migran Jalani Ujian Saringan COVID-19

Ujian saringan COVID-19 untuk pekerja migran yang berkhidmat di ladang-ladang FGV di Negeri Sembilan dan Sabah telah disediakan oleh FGV. Para pekerja yang berkhidmat di ladang-ladang FGV menjalani saringan dengan kit Antigen RTK yang dikendalikan oleh sebuah klinik panel di bawah lantikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada 12 dan 13 Januari 2021. Selain itu, FGV juga memperuntukkan hampir RM200,000 bagi membiayai kos ujian saringan ke atas pekerja migran serta menyediakan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) sementara di kompleks-kompleks ladang bagi membolehkan pengasingan pekerja migran sekiranya didapati positif COVID-19.

FGV Sasar Pasaran APAC dengan Produk Industri Rumusan Baharu Berasaskan Tumbuhan di bawah Jenama PREMEO

Anak syarikat FGV, Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) sasar untuk memperluaskan segmen hilirannya menerusi produk-produk nilai tambah ke rantau Asia Pasifik, dengan memperkenalkan tiga produk industri baharu yang berasaskan tumbuhan di bawah jenama PREMEO. Produk berkenaan iaitu Gantian Lelembak Haiwan PREMEO, Gantian Lelembak Tenusu PREMEO dan Minyak Gorengan PREMEO semuanya telah diformulasikan sebagai gantian lelembak berasaskan tumbuhan yang lebih sihat bagi pengilang makanan dan untuk kegunaan industri seperti restoran makanan segera. Produk ini dapat mengurangkan sisa buangan minyak, meningkatkan produktiviti dan menjimatkan kos di antara 20 hingga 40 peratus.



Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) FGV Edar Soalan Peperiksaan ke Rumah 1,046 Pelajar di Sabah

Bagi memastikan anak-anak pekerja ladang tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka ketika pandemik COVID-19, Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) FGV telah mengambil langkah wajar dalam membantu seramai 1,046 orang pelajar terbabit menduduki peperiksaan akhir tahun di rumah dengan selamat. Soalan peperiksaan yang dicetak diserahkan sendiri oleh 36 orang guru ke rumah 876 orang pelajar peringkat rendah dan 170 orang pelajar peringkat menengah yang menetap di sembilan kampung di Kompleks FGV Sahabat di Lahad Datu.

Abu Johan Minta Maaf Fitnah FGV

Ahli perniagaan, Abu Johan Aboo Backer memohon maaf berhubung pelbagai kenyataan yang dikeluarkan terhadap FGV dan anak-anak syarikatnya pada tahun 2019 termasuk hutang berjumlah RM4 juta yang didakwa tidak dijelaskan. Kenyataan itu dibuat berhubung kontrak kerja-kerja pembinaan bagi sebuah projek di Chuping, Perlis membabitkan syarikatnya dengan anak syarikat FGV, Felda Properties Sdn Bhd. Selain projek berkenaan, Abu Johan telah menyatakan pelbagai kenyataan berkenaan FGV, Felda Engineering Sdn Bhd, Allied Engineering Consultancy Services Sdn Bhd dan pengurusan, kakitangan serta pakar perunding mereka. Abu Johan mengakui bahawa kenyataan yang dibuatnya adalah bersifat fitnah dan telah bersetuju untuk tidak mengulanginya lagi.



WIRA FGV

“Amanah, tekun dan dedikasi sentiasa menjadi prinsip hidup saya” – Norliza



Menyempurnakan tugas di makmal dengan sebaik mungkin, tanpa menangguh, merupakan salah satu prinsip bekerja yang dipegang oleh personaliti pilihan ‘Wira FGV’, Norliza Abu Hanifah atau lebih mesra dengan panggilan Kak Liza.

Bertugas sebagai Pembantu Makmal di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Abdul Razak (PPPTR) FGV di Jerantut, Pahang, Norliza bertanggungjawab dalam memberi khidmat nasihat serta analisa cerakinan sampel-sampel air, efluen, minyak serta tandan kelapa sawit yang dihantar ke makmal PPPTR untuk diuji.

Setiap sampel yang diterima akan diuji dengan teliti bagi memastikan ketepatan hasil ujian, mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan

Alam Sekitar (JAS) dan selamat untuk orang ramai sekiranya bahan-bahan yang diuji dilepaskan ke alam sekitar.

Secara purata, Norliza akan menganalisa sehingga 10 bahan ujian sehari dan jumlah ini bergantung kepada permintaan yang diterima daripada pelanggan yang terdiri dari pelanggan dalaman dan luaran. “Kadangkala kami menerima banyak sampel untuk diuji, namun sikap bekerjasama serta saling

membantu antara rakan setugas membolehkan tugas tersebut dapat diselesaikan dengan segera,” ujar ibu kepada tiga cahaya mata ini.

Selain bertugas di makmal, beliau juga aktif di dalam kegiatan kemasyarakatan di Kompleks PPPTTR, dan bersyukur kerana berpeluang menyumbang khidmat bakti kepada syarikat dan masyarakat setempat.

“Saya bersyukur kerana diberi rezeki untuk berkhidmat di sini. Silaturrahim yang terbina di kalangan petugas dan jiran tetangga di PPPTTR ini, umpama sebuah keluarga. Contohnya, baru-baru ini apabila dilanda musibah banjir, kami berganding bahu untuk saling membantu dan bergotong-royong membersihkan rumah mereka yang

terkesan. Kami juga bersama-sama memasak dan menyediakan keperluan mereka. Tiada beban yang dirasa, malah seronok dapat melakukannya,” kata anak jati kelahiran Temerloh, Pahang ini.

Sebagai ‘orang lama’ di FGV, beliau juga tidak lokek untuk berkongsi nasihat berguna sebagai panduan generasi pelapis di FGV. Menurut beliau, sikap amanah, tekun dan dedikasi terhadap tugas amat penting untuk diterapkan ke dalam diri setiap petugas.

“Ianya sangat penting kerana dengan sikap amanah kita tidak akan melakukan perbuatan sia-sia dalam tugas. Sementara ketekunan dan dedikasi pula membantu diri untuk lebih maju, berdaya saing dan tidak berputus asa dalam memberi sumbangan bermakna kepada syarikat,” ujar beliau yang kini telah berkhidmat selama 37 tahun dalam Kumpulan FGV.



Farhan Hafetz Terima Anugerah di CMO Awards Malaysia



Mohammad Farhan Mohammed Hafetz, Pengurus Besar Kanan Bahagian Pemasaran Kumpulan telah mengharumkan nama FGV apabila memenangi anugerah CMO (*Chief Marketing Officer*) of The Year di bawah kategori *Marketing Trailblazer - FMCG* pada 8 Januari yang lalu.

Anugerah tahunan anjuran *Marketing Magazine Asia* itu mengiktiraf pemasar terbaik Malaysia dari pelbagai industri, berdasarkan kempen kreatif yang dibuat dan hasil perniagaan dicapai.

Tahniah Farhan!

Tahniah Kilang Getah FGV Palong 8 - Kilang Getah Pertama di Malaysia Dianugerahkan Pensijilan QE/5S



Tahniah diucapkan kepada FGV Rubber Industries Sdn Bhd (FGVRI), anak syarikat FGV, atas penganugerahan pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) baru-baru ini!

Pensijilan ini diberikan kepada Kilang Getah FGV Palong 8, menjadikan ia kilang getah pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan tersebut.

Kejayaan ini membuktikan keberkesanan inisiatif Konsep Model Perladangan (MPC) yang dibangunkan oleh Bahagian

Kecemerlangan Operasi FGV, dalam menyokong pelan transformasi Kumpulan FGV.

Kilang Getah FGV Palong 8 merupakan model contoh inisiatif Konsep MPC yang keenam yang menerima pengiktirafan pensijilan ini. Berdasarkan laporan audit Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bertarikh 23 Disember 2020, Kilang Getah FGV Palong 8 telah mencatat pemarkahan sebanyak 78.8% yang membolehkan kilang tersebut mencapai taraf 2 Bintang.

Pengenalan Audit Jarak Jauh HSE

Bahagian Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar (HSE) Kumpulan FGV memulakan aktiviti tahun baharu dengan menganjurkan latihan dalam talian dengan tajuk Pengenalan Audit Jarak Jauh (*Remote Audit*) pada 26 Januari. Latihan disertai oleh 27 orang peserta yang terdiri dari pegawai keselamatan dan kesihatan syarikat (SHO), pengamal HSE FGV, sukarelawan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), ahli jawatankuasa HSE serta pasukan bomba sukarela FGV dari pelbagai lokasi seperti Negeri Sembilan, Terengganu dan lain-lain.

Objektif utama latihan ialah memberi pendedahan kepada peserta mengenai persediaan menghadapi proses audit keselamatan dan kesihatan secara jarak jauh berikutan pandemik COVID-19. Ini termasuklah persediaan dari segi logistik seperti lokasi yang mempunyai liputan internet yang baik, peralatan (gajet) serta dokumen-dokumen yang diperlukan. Amalan audit ini penting

untuk mengenalpasti:

- Tahap pelaksanaan aktiviti keselamatan dan kesihatan di tempat kerja
- Tahap kesedaran anggota kesihatan (semua lapisan) berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Antara kebaikan amalan audit jarak jauh ialah:

- Dapat teruskan audit walaupun dalam keadaan pandemik
- Penjimatan kos perjalanan dan penginapan
- Mengurangkan risiko jangkitan kepada staf
- Pengurangan kesan rumah hijau apabila tidak melibatkan pemanduan kenderaan ke lokasi audit

Semoga dengan pelaksanaan audit jarak jauh ini, syarikat dapat meningkatkan langkah-langkah penambahbaikan bagi kekurangan yang dikenalpasti.

PENGENALAN HSE Remote Audit Introduction

Program Latihan Atas Talian GHSED
PENGENALAN REMOTE AUDIT HSE
26 Jan 2021 | Selasa | 1000-1200

Pendaftaran
<https://forms.gle/8YCFv78G7c5cmHpa8>

Platform
meet.google.com

Peserta
HSEC, ERT WFGV
PBS FGV, SHO
Pengamal HSE FGV

REMOTE AUDIT TOOLS

- Steps
- Microsoft Teams
- Zoom
- Lync
- Google Meet
- Google Mail
- Facebook
- WhatsApp
- Facebook Messenger

Jom kita kongsi ilmu
Fasilitator
HISHAMUDIN SALLEH

Maklumat Lanjut
012-3140140
hisham.s@fgvholdings.com

Group Health, Safety & Environment Division

Misi Bantuan Banjir di Pahang

Negeri Pahang telah dilanda banjir besar pada awal Januari. Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) di Tekam terjejas teruk hingga mengakibatkan ramai penduduk setempat terpaksa dipindahkan ke Pusat Penempatan Sementara (PPS). FGV telah menghulurkan bantuan segera

dengan pembelian sebuah enjin bot yang digunakan untuk memindahkan mangsa-mangsa banjir ke PPS yang terletak di Sekolah Menengah Kebangsaan PPPTR.

Setelah banjir surut dan jalan alternatif boleh dilalui, sukarelawan

yang terdiri dari pekerja-pekerja FGV Agri Services menyumbang tenaga dengan membersihkan rumah-rumah mangsa selain membawa keluar pelancong yang terkandas di Felda Residence untuk pulang ke destinasi masing-masing.



Manakala di daerah Kuala Lipis pula, FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (FGVPM) telah menyumbangkan tenaga kerja dan bantuan logistik dengan penghantaran kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta pengagihan bantuan ke PPS sekitar Kuala Lipis, iaitu PPS Chegar Perah, PPS Sungai Koyan dan PPS Kerambit.

Bantuan yang dikelolakan oleh Pejabat Wilayah FGVPML melibatkan sebanyak tujuh unit kenderaan pacuan empat roda, sebuah van utiliti dan sembilan kakitangan ladang.

FGV berasa bangga dengan semangat kekitaan yang ditonjolkan

oleh kakitangan-kakitangan di kedua kawasan yang melaksanakan misi bantuan banjir kali ini. Semoga usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini dapat mengeratkan lagi hubungan di antara syarikat dan masyarakat setempat.

PREMEQ



MINYAK GORENGAN & GANTIAN LELEMAK KUALITI UNGGUL STANDARD INDUSTRI

FGV

PILIHAN MUTLAK UNTUK KEPERLUAN PROFESIONAL ANDA



■ FPG Sambut *Deployment Day* Secara Maya

Buat pertama kali, FPG Oleochemicals Sdn Bhd (FPG) mengadakan Hari Pembentangan tahunannya secara maya akibat kekangan pandemik COVID-19. Acara ini diadakan dalam dua sesi bagi memastikan kilang terus beroperasi pada 15 dan 17 Disember lalu.

Deployment Day merupakan hari pembentangan strategi dan operasi tahunan syarikat yang dihadiri oleh semua petugas selama setengah hari. Acara ini juga meninjau semula prestasi tahun yang berlalu dan meraikan kejayaan yang dikecapi.

Pelan strategi ini telah dirangkumkan ke dalam Keperluan Perniagaan yang

Mendorong (*Compelling Business Needs - CBN*) yang dikaji semula pada setiap tahun untuk memastikan kesesuaiannya dan biasanya diperbaharui setiap tiga tahun.

Pada *Deployment Day* yang lalu, syarikat memperkenalkan CBN terbaharunya untuk 2021 - 2023 yang dinamakan *STEPS 5.0*, setelah mencapai sebahagian besar sasaran yang ditetapkan dalam CBN sebelumnya. Secara umumnya, *STEPS 5.0* dengan mengaplikasikan strategi utama syarikat iaitu *STEPS (Savvy, Touchless, Employee, Partnership & Sustainability)* manakala 5.0 merupakan standard tertinggi di dalam sektor pembuatan.



- **Savvy** - pengoptimuman teknologi dan proses untuk mendorong daya saing
- **Touchless** - mengelakkan kerugian dengan mengurangkan jumlah sentuhan di pelbagai bahagian operasi
- **Employee** - membangunkan pasukan pelbagai kemahiran untuk mengoptimumkan sumber bagi mengelakkan keperluan pengambilan pekerja baharu, dengan integrasi kerja-kehidupan yang lebih baik
- **Partnership** - fokus luaran dan bekerjasama dengan vendor dan rakan utama untuk meningkatkan daya tahan rantaian bekalan
- **Sustainability** - membangunkan budaya dan keupayaan untuk mencapai sasaran kemampunan yang agresif

Pengerusi FPG, Dato' Haris Fadzil Hassan di dalam mesej videonya mengulas bahawa pembaharuan CBN adalah tepat pada masanya dan sejajar dengan keperluan organisasi yang berkembang dan sebagai tindak balas kepada perubahan persekitaran pasaran untuk mendorong daya saing.

Pemilik setiap blok strategi kemudiannya membentangkan rancangan dan langkah utama masing-masing. Rancangan tindakan mikro juga telah dibangunkan dan ini akan diserapkan ke dalam tugas pelbagai petugas serta pelan pembangunan jabatan. Acara tersebut diakhiri setelah sesi soal jawab yang aktif kalangan petugas.

■ APA KATA MEREKA?

Mengapa Anda Suka Bekerja Di FGV?



Saya sudah bekerja di FGV Agri Services selama lebih kurang 32 tahun (1989 - 2021) dan sangat gembira bekerja di FGV. Selain daripada gaji yang baik, FGV juga menyediakan kemudahan perubahan dan insurans pembedahan untuk setiap petugas dan tanggungan. FGV juga memberi layanan yang sama rata kepada semua petugas di bawah jagaan mereka.

- **Harmasiah Nurdin, FGVAS, Lahad Datu Sabah**

Kelebihan bekerja di FGV ialah keseimbangan dalam tugas dan kehidupan seharian petugas selari dengan konsep bekerja sebagai ibadah yang diterapkan oleh pihak pengurusan serta menjaga kebajikan, manfaat kesihatan dan insurans kepada petugas dan keluarga semasa sedang berkhidmat di FGV.

- **Mohd Zahrin Mohd Zainudin, FGV PUP**



FGV amat mengambil berat mengenai hal kebajikan pekerja dan dilaksanakan berteraskan prinsip yang ditetapkan. Nilai yang diterapkan menjadikan pekerja lebih berprestasi dan terus menyumbang jasa serta tenaga yang lebih produktif dari semasa ke semasa demi kemajuan syarikat. Semoga FGV kekal menjadi satu jenama yang membanggakan dan terus maju.

- **Nur Amalina Abdullah, DOPSB**

Saya seronok bekerja di sini kerana mempunyai rakan-rakan sekerja yang sentiasa memberi komitmen yang tinggi untuk setiap pekerjaan dan tenaga positif untuk mengatasi setiap cabaran. Selain itu, suasana kerja di sini sentiasa menitikberatkan keseimbangan kehidupan kerja walaupun di tengah-tengah jadual kerja yang padat.

- **Zuria Shazrin, FGVH**



Saya suka bekerja di sini kerana dapat menimba banyak pengalaman dari tunjuk ajar rakan-rakan yang ibarat keluarga. Kerjasama merupakan kunci kejayaan dan dapat memupuk kemahiran untuk generasi muda seperti saya.

- **Nik Syazleen Nik Raimi, FGVH**



Bekerja di FGV memberi peluang kepada saya untuk belajar banyak perkara berkaitan dengan pengurusan dan aktiviti pengoperasian di setiap sektor perniagaan yang dijalankan oleh FGV.

- **Suhaili Noradila Jumat, FGVH**



FGV memberi saya ruang bagi memperluaskan pengetahuan dan kemahiran saya. Saya bersyukur dapat bekerja dengan individu dari pelbagai latar belakang dan berkongsi perspektif yang bernilai. Saya juga dikelilingi oleh rakan-rakan yang ramah dan berpengetahuan. Semoga FGV akan terus cemerlang pada masa akan datang.

- **Puteri Nadhirah Pekan, FGVH**



Terima kasih kepada semua peserta

Peraduan Memasak
DOTA FGV

Lebih daripada
30 video
masakan
dipertandingkan

Nantikan pengumuman para pemenang bertuah yang akan memenangi hadiah-hadiah menarik dalam *Cassia* edisi akan datang!



TANYA DOKTOR POKOK



S: Bagaimanakah cara untuk menghalang semut dan serangga dari menyerang tanaman saya walaupun sudah diracun? - Norzaida Jamal, FGVH

J: Serangan semut masih berlaku disebabkan oleh jenis racun serangga, kadar bancuhan, teknik semburan dan masa semburan yang kurang sesuai. Paling penting, perlu mencari sarang semut tersebut untuk membasmi sumber semut tersebut secara menyeluruh. Jika serangan semut pada pokok-pokok bunga di rumah, lebih mudah dan selamat menggunakan racun semburan nyamuk (aerosol) yang kurang bertoksik, mudah didapati dan juga berkesan untuk membunuh semut. Pokok bunga yang disemur dengan racun semburan nyamuk

perlu disiram daunnya dengan air selepas kesemua semut mati kira-kira 5-10 minit selepas semburan untuk membilas racun nyamuk daripada pokok tersebut.

S: Apakah tips penjagaan untuk tanaman indoor? - Siti Nur Ain Zulkapli, FGVH

J: Pokok hiasan indoor biasanya kurang mendapat cahaya dan kadar respirasi pokok serta penyejatan air daripada tanah dalam pasu bunga juga perlahan. Maka, pokok hanya perlu disiram sedikit pada setiap 2-3 hari sekali sehingga tanah basah sahaja dan jangan berlebihan. Pastikan pokok indoor juga dapat dijemu di bawah cahaya matahari sekurang-kurangnya sebulan sekali. Gunakan baja organik dan baja cecair untuk semburan pada daun untuk menggalakkan pertumbuhan pokok.

S: Saya duduk di rumah pangsupuri. Apakah jenis tanaman yang sesuai untuk saya tanam? - Azlina Abu Bakar, FGVH

J: Sayur-sayuran berdaun seperti sawi, bayam, kangkung dan lain-lain serta pokok renek yang mempunyai rizom seperti halia, kunyit dan lain-lain yang boleh ditanam dalam pasu, polibeg atau bekas kecil adalah

sesuai ditanam di pangsupuri yang mempunyai ruangan terhad. Gunakan medium campuran tanah yang sesuai seperti 6 bahagian tanah, 3 bahagian pasir dan 1 bahagian bahan organik serta menggunakan baja organik dan baja semburan daun dapat menggalakkan pertumbuhan pokok dalam pasu.



Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccommms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

KSFGV Berdaftar Dengan RoS



Kelab Sukan FGV Malaysia (KSFGV) adalah sebuah pertubuhan kebangsaan yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS).

Didaftarkan pada 4 Februari 2020 di alamat Wisma FGV, keahlian KSFGV terbuka kepada petugas Kumpulan FGV

warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.

Bayaran pendaftaran keahlian adalah RM10 manakala yuran bulanan adalah RM3 bagi setiap ahli.

Untuk menjadi ahli KSFGV, emel kepada ksfgv@fgvholdings.com


<https://kedaifgv.com/>


<https://shopee.com.my/kedaifgv>





MycroGro 500

MycroGro500 adalah merupakan penggalak tumbesaran tanaman secara alami yang berasaskan empat spesis mikoriza terpilih. Daripada segi definisi, Myco adalah bermaksud Kulat. Rhiza adalah bermaksud Akar. Integrasi antara kulat dan akar ini di panggil Mycorhiza.



TOPGro88

TOPGro88 adalah baja organik berkualiti premium. Komponen utama baja ini adalah daripada kompos yang diproses daripada tandan sawit kosong diperkuatkan dengan unsur N, P dan K untuk keperluan nutrien tanaman yang seimbang.



LiqGro63

LiqGro63 adalah produk baja cecair dengan formulasi seimbang dan lengkap untuk keperluan tanaman sayuran seperti sawi, kangkung, salad dan juga untuk tanaman sayuran berdaun lain.



FGV AGRI SERVICES SDN BHD (353791-M)

Level 9 West, Wisma FGV, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel : 03-2789 1000 Faks : 03-2789 0111

FB : FGV Agri Services Sdn Bhd

Youtube : FGV Agri Services Sdn Bhd



SCAN ME FOR MORE DETAIL

Overnight Oats Mentega Kacang Bersama Pisang



Resipi

Jom cuba resipi *overnight oats* mentega kacang bersama pisang yang menggabungkan semua rasa kegemaran anda sebagai sarapan pagi berprotein tinggi yang lazat dan hanya disediakan kurang dari 5 minit!

BAHAN-BAHAN (BASAH)

1/2 pisang sederhana dilenyek
2 sudu mentega kacang berkrim
1/4 cawan Bright Cow Vanilla Greek yogurt (atau biasa)
3/4 cawan susu Bright Cow Fresh Jersey
1 sudu besar madu
1 sudu kecil ekstrak vanila

(KERING)

1 cawan *rolled oats*
1 sudu besar biji chia
1 sudu teh kayu manis

CARA-CARA

1. Lenyapkan pisang.
2. Masukkan bahan-bahan basah dan gaul sehingga sehati.
3. Masukkan bahan-bahan kering dan gaul lagi.
4. Tutup dan simpan di dalam peti sejuk sekurang-kurangnya 2 jam atau semalaman
5. Hidangkan ketika sejuk.

#brightcow
#FGVdairy

#THROWBACK TRAVELOG

Percutian Norma Baharu Romantis Di Sekinchan



Bagi kaki travel, bercuti merupakan aktiviti wajib yang perlu ada di dalam *wishlist* tahunan. Tidak kiralah bercuti di dalam negara mahupun di luar negara.

Sempena percutian norma baharu ini, kami sekeluarga telah mengunjungi Sekinchan yang terletak di pantai barat negeri Selangor. Jarak perjalanan dari Kuala Lumpur hanyalah mengambil masa selama satu setengah jam.

Sekinchan adalah kawasan terkenal dengan panorama sawah padinya yang terbentang luas. Keindahannya setara dengan keindahan negeri di utara tanah air yang mendapat jolokan Jelapang Padi Malaysia.

Perusahaan kecil-kecilan penduduk tempatan seperti menjual kerepek juga antara tarikan di sini. Berbagai jenis kerepek boleh didapati dengan harga yang berpatutan. Antara yang

terkenal ialah kerepek pisang tanduk dan kerepek ubi pedas. Anda boleh melihat sendiri cara-cara kerepek ini dihasilkan terus dari dapur.

Sekinchan juga terkenal dengan hasil lautnya yang segar. Dengan kedudukannya di pesisiran pantai, bekalan hasil laut boleh didapati di jeti nelayan pada harga yang amat berpatutan. Murah dan segar, mana nak dapat kan?

Jadi, jangan lepaskan peluang untuk bercuti di Sekinchan. Di samping melawat tempat-tempat yang menarik, kita juga boleh menyokong ekonomi penduduk tempatan dengan membeli hasil laut mereka.

oleh:
Hazizan Mohamed
FGVPM

Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutian? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami! Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB.
2. Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan.

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com

Tarikh tutup: 28 Februari 2021

TAHNNIAH KEPADA PEMENANG PERADUAN SUSUN KATA

Nurul Asyikin Mohd Zim
(FGV R&D, Enstek)

Norsyahima Azizi
(FGV R&D, Enstek)

Mustafa Saleh
(FGVAS - Stesen Sabah)

Jawapaan Peraduan Susun Kata:

SAJI
ADELA
SERI PELANGI
BRIGHT COW
TIARA
TIGA UDANG
PREMEO
FGV DELIVERY

TEKAM TWISTER
KEDAI FGV
AJAS
PALMA SHEILD
PALMA GRO
TOPGROW 88
LIQGRO 63
PUNGGUK

BIORICH BAJA
MSM PRAI
GONATURA
BAJA SUBUR SF65
TEKAM ORGANICS
YANGAMBI 3WAY
YANGAMBI ML161
MYCO GRO 500


Pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

Pertandingan Selfie Bersama Si Comel!

Abadikan kenangan bersama si comel binatang peliharaan anda dengan ber-selfie dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik!

Hantarkan foto *selfie* anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke nombor +60 19-200 4600.

Tarikh tutup penyertaan: 28 Februari 2021.



TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

